

UNTUK SIARAN SEGERA

20 APRIL 2020

UEM Edgenta dan Kaodim Bekerjasama untuk Platform Perusahaan Perolehan Vendor

KUALA LUMPUR, 20 April 2020 – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini mengumumkan bahawa Syarikat telah memeterai perjanjian dengan Kaodim Sdn. Bhd. (“Kaodim”) untuk memulakan kerjasama antara kedua-dua pihak, dengan pelancaran pertama kepada pelanggan UEM Edgenta di seluruh negara.

Di bawah kerjasama ini, perkhidmatan atas talian Kaodim yang terkemuka di rantau ini, adalah merangkumi Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina, akan menyediakan satu platform penyelesaian perusahaan untuk perolehan vendor dan penyampaian perkhidmatan UEM Edgenta, pengurusan aset dan penyelesaian infrastruktur yang pertama untuk Kaodim, serta menandakan penglibatan Kaodim dalam arena *Business-to-Business* (“B2B”).

Penyelesaian ini membolehkan UEM Edgenta meningkatkan pengurusan vendornya melalui penggunaan teknologi yang mana lebih telus dan terbuka, serta mengurangkan masa pemprosesan. Hal ini dibolehkan melalui ciri-ciri platform perusahaan seperti pengurusan vendor atas permintaan dan sistem penilaian yang menilai vendor berdasarkan ciri-ciri seperti kualiti, harga dan keselamatan, serta visualisasi dan analisis masa nyata. Melalui perkara-perkara tersebut, membolehkan UEM Edgenta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggannya.

“Kerjasama dengan Kaodim adalah selaras dengan visi kami untuk menjadi sebuah syarikat berteknologi, yang mana kami bekerjasama dengan syarikat penyelesaian terkemuka seperti Kaodim untuk mempertingkatkan perkhidmatan kami, dan dalam hal ini adalah untuk mengubah model perniagaan kami sendiri. Platform perusahaan ini membentuk satu komponen penting dalam strategi vendor / kontraktor kami, kerana ia membolehkan ketangkasan dan kebolehskalaan untuk kami melancarkan perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan dengan lebih cepat,” kata Dato’ Azmir Merican, yang bakal menamatkan tempoh perkhidmatan sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Beliau menambah bahawa platform perusahaan ini akan disokong dengan jaminan kualiti perkhidmatan oleh vendor yang diperoleh daripada platform perusahaan, serta penyelesaian berterusan kepada para pelanggan oleh kakitangan UEM Edgenta. Komponen strategi Syarikat yang lain adalah Akademi Edgenta, yang menawarkan latihan & kursus pembangunan kakitangan dan vendor UEM Edgenta, dengan memberi tumpuan untuk membantu membangunkan standard dalam bidang pengurusan aset dan penyelesaian infrastruktur.

“Kami gembira dapat bekerjasama dengan UEM Edgenta dan memperluaskan penawaran kami ke arena B2B. Pelbagai penyelesaian secara dalaman yang kami gunakan untuk perkhidmatan kepada kediaman juga boleh memberi manfaat kepada syarikat seperti UEM Edgenta, yang perlu menguruskan pelbagai pesanan kerja dan penyedia perkhidmatan. Melalui infrastruktur pentadbir yang boleh dikonfigurasi, kami akan menyokong Edgenta dalam mengoptimumkan standard kualiti, masa tindak balas dan pengurusan kos. Perolehan pintar milik kami, penjadualan automatik, pembayaran digital, fungsi jaminan kualiti dan banyak lagi akan digunakan untuk memastikan segmen perkhidmatan boleh diyakini, bertanggungjawab, dan cekap; serta menghasilkan peningkatan pendapatan dan keuntungan untuk rakan kongsi kami.

Kami sentiasa percaya bahawa teknologi yang kami bangunkan boleh memberi manfaat melangkaui pembersihan kediaman, pembaikan penghawa dingin, dan kerja-kerja perpaipan. Peluang untuk bekerja dengan Syarikat yang inovatif dan berpandangan ke hadapan seperti UEM Edgenta adalah cara terbaik bagi kami untuk memanfaatkan produk kami untuk lebih radikal dan berinovasi dalam industri penyelenggaraan dan pembaikan”, kata Jeffri Cheong, Pengarah Urusan Kaodim.

UEM Edgenta, melalui perniagaannya kini menguruskan lebih daripada 300 hospital dan kemudahan penjagaan kesihatan di seluruh Malaysia, Singapura, Taiwan dan India, serta lebih daripada 300 bangunan komersil dan perindustrian di Malaysia. Dalam bidang infrastruktur, Syarikat mengurus dan menyelenggara lebih daripada 3,100 km jalan dan lebuh raya di seluruh Malaysia dan Indonesia. Dalam tempoh pandemik COVID-19 di negara ini, kakitangan UEM Edgenta terlibat dalam menyediaka perkhidmatan penting setiap hari, terutamanya perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan, bersama dengan operasi penyelenggaraan lebuh raya dan pasukan pengurusan kemudahan.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Mengenai Kaodim

Kaodim Sdn Bhd adalah anak syarikat Kaodim Group, peneraju utama perkhidmatan menyewa platform di Asia Tenggara. Kaodim menyediakan sistem pengendalian tenaga kerja yang boleh disesuaikan hujung ke hujung yang memberikan ketelusan, kecekapan, kebertanggungjawaban dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik untuk perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembersihan, paip, pembinaan, pembaikan dan kerja elektrik.

Disiarkan oleh:

UEM Edgenta Berhad; Hubungi: Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438)

Kaodim Sdn Bhd; Hubungi: Namrita Doshi (namrita@kaodim.com / 017-703 5496)